

SULIT

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

2024

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

PERATURAN PEMARKAHAN 1103/2 (PP)

KERTAS 2 (SET 1)

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas Peraturan Pemarkahan ini mengandungi ----- halaman bercetak

***Nota: Panduan penskoran ini bukan dihasilkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.**

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 4 markah

Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja pasif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja pasif yang betul.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja pasif telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja pasif salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata kerja pasif digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanpa baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1- Kata Kerja Pasif

- | | |
|---------------------|---|
| (i) dilihat | = menggunakan mata utk mamandang/ menonton |
| (ii) dikatakan | = memberitahukan/ menyatakan/ menceritakan/ mengeluarkan kata-kata |
| (iii) dicapai | = mencuba utk mengambil/ sampai ke/ berjaya dilaksanakan |
| (iv) direalisasikan | = menjadikan kenyataan |
| (v) disifatkan | = menceritakan / menggambarkan sifat yg ada/ menganggap/ merupakan atau menampakkan |

(8 markah)

Soalan 2 : Sintaksis

JAWAPAN : Subjek dan predikat

1. **Subjek** : Pihak kerajaan
Predikat : telah membelanjakan berjuta-juta dana untuk memastikan pendidikan secara elektronik ini dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.
2. **Subjek** : Manfaat yang diperoleh
Predikat : ialah guru dan murid tidak perlu lagi berinteraksi secara empat mata.
3. **Subjek** : Proses pembelajaran
Predikat : boleh dilakukan pada jarak yang tiada sempadan dan kekangan.

(6 markah)

Soalan 3- Penyuntingan

Bahan 1

- | | | | |
|-------|--------------------|---|-----------------------|
| (i) | setengah | - | sesetengah |
| (ii) | mereka lakukan | - | dilakukan oleh mereka |
| (iii) | pekerjaan sambilan | - | bekerja sambilan |
| (iv) | merasakan | - | merasai |
| (v) | biar pun | - | biarpun |
| (vi) | dari | - | daripada |
| (vii) | kekangan | - | cabaran |

(6 markah)

Bahan 2

- | | | | |
|-------|-----------|---|--------------|
| (i) | menjalani | – | menduduki |
| (ii) | sampai | – | tiba |
| (iii) | cadangkan | – | mencadangkan |
| (iv) | distinasi | – | destinasi |
| (v) | sebentuk | – | sebutir |
| (vi) | dari | - | daripada |

(5 markah)

Perhatian bagi Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Panduan Penskoran

Bil	Markah	Kriteria
1	Cemerlang (5-6)	1.Struktur ayat mengikut petikan. 2.Mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Mengekalkan laras bahasa istana jika berkenaan . 4.Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	Baik (3-4)	1.Struktur ayat masih mengikut petikan. 2.Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Masih mengekalkan laras bahasa istana . 4.Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis.
3	Lemah (1- 2)	1.Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan. 2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan. 3.Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan. 4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan 5.Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

Soalan 4- Bahasa Melayu Standard

Seseorang telah mempersembahkan berita ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam telah menitahkan hulubalangnya yang bernama Awi Cakri untuk membawa rakyat yang tidak terkira banyaknya/ramainya, berjalan melalui jalan darat terus menuju ke hulu Pahang.

Selepas Sultan Muzaffar mendengar berita itu, baginda pula menyuruh orang/ hulubalang menghimpunkan rakyat dari seluruh ceruk rantau untuk berkumpul di Melaka.

(4 markah)

Soalan 5: Peribahasa

- bersatu kita teguh bercerai kita roboh / ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni/ berat sama dipikul, ringan sama dijinjing/ bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat
- alah bisa tegal biasa/ habis geli oleh geletek, habis rasa oleh biasa/ habis miang kerana bergeser
- biar putih tulang, jangan putih mata/ lebih baik berputih tulang daripada berputih mata/ daripada hidup bergelumang tahi, baik mati bertimbun bunga/ daripada hidup bercermin bangkai lebih baik mati berkalang tanah
- sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna/ nasi sudah menjadi bubur

(6 markah)

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

- Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
- Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
- Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan bagi soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	

Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
-Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
-Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6: Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata menunjukkan minat adalah	Markah
- menampakkan/menggambarkan kecenderungan/kegemaran	2
- menunjukkan kecenderungan/kegemaran	1
- menampakkan/ minat	1

(ii) Cabaran –cabaran yang perlu dihadapi oleh seorang jururawat

Bahan 1 (*subjek wajib)

- menghadapi pesakit yang beraneka ragam.	1
- berdepan dengan masalah pengurusan masa yang terhad.	1
- berisiko untuk dijangkiti penyakit berjangkit.	1

Bahan 2

- Terpaksa bekerja lebih masa.	1
--------------------------------	---

Nota: jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan)

[maksimum : 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

(iii) Langkah-langkah mengatasi jangkitan Covid -19, Influenza A dan H1N1

- memakai pelitup muka	1
- sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau pensanitasi tangan	1
- penjarakan sosial	1
- tidak berkumpul di tempat awam atau orang ramai	1
- gunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin	1

(langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum : 3 markah]

[isi cukup : 2 isi]

(iv) Cara-cara yang akan saya lakukan

- Memberitahu rakan tentang bahaya penyakit	1
- Memberitahu ibu bapa rakan tentang simptom yang dialami oleh anaknya	1
- Memaklumkan keadaan rakan kepada Klinik Kesihatan	1
- Memberikan risalah tentang penyakit yang berkaitan kepada rakan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahamannya	1
- Berkongsi pautan video berkaitan penyakit berjangkit	1

(cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum : 4 markah]

[isi cukup : 3 isi]



Soalan 7- Petikan sastra

i)	Maksud rangkai kata <i>menangkis tohmahan</i>.		
	P1	Menepis/mengelak tuduhan/syak wasangka	2
	P2	<i>Menangkis</i> tuduhan/syak wasangka	1
	P3	Menepis/mengelak <i>tohmahan</i>	1

[2 markah]

ii)	Berdasarkan semua bahan,faktor-faktor yang boleh menggugat perpaduan kaum di negara kita.		
	P1	Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka	1
	P2	runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa	1
	P3	Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.	1
	P4	dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik	1
	P5	Terpengaruh anasir jahat	1
	P6	Suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh hati nurani	1
	P7	Hati tak jujur	1
	P8	Berselisih faham	1

(Isi cukup 3 isi)

[4 markah]

iii)	Usaha-usaha pihak kerajaan untuk mengeratkan perpaduan kaum di negara kita		
	P1	Kerajaan mengadakan hari terbuka sempena perayaan	1
	P2	Kerajaan menerapkan elemen perpaduan dalam subjek yang relevan.	1
	P3	Kerajaan menggubal dasar tentang perpaduan	1
	P4	Kerajaan menyiarkan iklan atau poster tentang amalan hidup bersatu padu	1
	P5	Kerajaan menggiatkan kempen berkaitan amalan hidup bersatu padu	1

(Isi cukup 2 isi)

[3 markah]

iv)	Tindakan yang boleh saya lakukan untuk rakan saya bagi menyelesaikan masalah tersebut.		
	P1	Saya akan menemaninya dalam sebarang aktiviti sekolah	1
	P2	Saya akan menasihatinya untuk melibatkan diri secara aktif di sekolah	1
	P3	Saya akan mengajaknya menyertai aktiviti di sekolah	1
	P4	Saya akan berkongsi video cara untuk berkomunikasi dan bersosial dengan pelbagai bangsa.	1
	P5	Saya akan membawanya berjumpa dengan kaunselor untuk khidmat nasihat	1

(Isi cukup 4 isi)
[4 markah]

SOALAN 8 - NOVEL

8 (i) Pemahaman Novel

Perkara yang mampu membuatkan *aku* menarik nafas lega

P1 Surat siaran telah diedarkan

P2 Ramai penduduk di sekitar kawasan DUN ini berminat untuk menyertainya.

P3 Yang Berhormat sendiri telah menyatakan persetujuannya untuk mendeklamasikan puisi pada malam perasmianya nanti.

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- Jawapan berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum 6 markah]

8 (ii) Peristiwa yang perlu dielakkan dalam novel.

Disebalik Dinara karya Dayang Noor

- i) **Peristiwa Karl memasukkan pelbagai implan dalam badan anaknya, Farisha yang masih bayi untuk menjadikan Farisha seorang genius. Karl memasukkan mikrochip dalam badan Farisha sebagai bahan uji kaji walaupun dihalang oleh Medina.**

Peristiwa ini perlu dielakkan kerana perbuatan ini sangat kejam dan melanggar hak asasi manusia.

- ii) **Peristiwa Karl memukul isterinya, Rusmina sehingga cacat kerana dia tidak bersetuju untuk menukar agama. Karl menukar Rusmina menjadi Alia seorang cyborg dan menghilangkan ingatannya setelah dibelasah separuh mati.**

Peristiwa ini perlukan dielakkan kerana bertentangan dengan agama serta perlu menghormati agama dan kepercayaan orang lain.

- iii) **Peristiwa Medina atau Marilyn mengarahkan dua orang suruhannya, iaitu Farid dan Amin untuk menculik Farisha. Medina ingin menggagalkan usaha Karl untuk menggunakan farisha bagi menyelamatkan sistem Dinara yang telah digodam.**

Peristiwa ini perlu dielakkan kerana perbuatan ini salah dan melanggar undang-undang.

Silir Daksina karya Nizar Parman

- i) **Peristiwa abang Tauke Lim meggadaikan semua tanah mendiang bapanya kerana hutang pada tai long akibat main judi. Tauke Lim terpaksa merantau mencari peluang pekerjaan bagi menyara kehidupan dia dan keluarga.**

Peristiwa ini perlu dielakkan kerana hanya akan memusnahkan hidup diri sendiri dan orang lain.

- ii) **Peristiwa umi, Rafiqah tidak bersetuju Haiqal pergi ke Batu Pahat, Johor , iaitu kampung arwah ayahnya untuk memenuhi harapannya. Umi membantah sekeras-kerasnya tindakan Haiqal dengan menyatakan bahawa dia tidak akan memberikan wang untuk menampung perbelanjaannya di Johor nanti.**

Peristiwa ini perlu dielakkan kerana seorang ibu tidak wajar memutuskan hubungan anak dengan ayahnya.

- iii) **Peristiwa Haiqal bertengkar dengan ibunya kerana Rafiqah menghalangnya pulang ke Johor , iaitu kampung arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan. Haiqal tidak memandang wajah ibunya dan sinis apabila bercakap.**

Peristiwa ini perlu dielakkan kerana perbuatan ini dianggap menderhaka kepada ibu.

***terima mana-mana jawapan yang sesuai.**

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20** markah
- (b) Bahasa – **10** markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

P1 ...membincangkan kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah aktiviti riadah dan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor masyarakat tidak beriadah 2

P2 ...membincangkan kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah aktiviti riadah. 1

P3 ...membincangkan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor masyarakat tidak beriadah 1

Isi [16 markah]

Bahan 1

Fokus 1 - kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah aktiviti riadah

A1 dapat mengisi masa lapang seseorang dengan perkara yang bermanfaat 2

A2 kesihatan diri juga akan terjamin 2

A3 mampu menjadi medium mengeratkan silaturahim antara keluarga dan rakan-rakan. 2

A4 bagi menambah nilai kekitaan antara rakan sekerja 2

Fokus 2 – punca / sebab / faktor masyarakat tidak beriadah

B1 masyarakat Malaysia juga didapati kurang kesedaran tentang kepentingan beriadah atau berekreasi 2

B2 kesibukan bekerja menjadi penyebab masyarakat tidak beriadah atau bersenam 2

B3 keadaan fizikal yang terlalu gemuk 2

Bahan 2

Fokus 1 kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah aktiviti riadah

C1 dapat mengurangkan obesiti 2

C2 dapat meningkatkan stamina 2

Fokus 2 punca / sebab / faktor masyarakat tidak beriadah

D1 cuaca yang tidak menentu 2

D2 keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan menjadi penyebab 2

Bahan 3

Fokus 1 kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah aktiviti riadah

E1 kurangkan risiko penyakit kronik 2

Kesimpulan [2 markah]

K1 Kesimpulannya, aktiviti beriadah perlu diamalkan dalam kehidupan seharian agar dapat melahirkan masyarakat yang kekal aktif. 2

K2 Kesimpulannya, aktiviti beriadah perlu diamalkan dalam kehidupan seharian 1